

Rabu, 1 April 2020 | 10:47am



MENTERI Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi. - Foto Mohd Fadli Hamzah

## COVID-19: Sektor bekalan makanan, perubatan dibenar beroperasi PKP fasa dua

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**KUALA LUMPUR:** Syarikat pengeluar, pemborong, logistik, peruncitan dan e-dagang yang sudah diberikan pengesahan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dibenarkan untuk meneruskan operasi sepanjang perlanjutan hingga 14 April.

'Bagaimanapun, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata pelaksanaan pengoperasian PKP seperti waktu operasi tertakluk kepada arahan lain daripada Majlis Keselamatan Negara, kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan.

Beliau berkata, pihaknya berharap penggiat industri memberi kerjasama penuh sepanjang tempoh PKP dan mematuhi syarat untuk beroperasi yang ditetapkan.

"Surat pengesahan kementerian kepada pemain industri hanyalah membabitkan sektor bekalan makanan dan perubatan. Pengesahan juga dipanjangkan kepada setiap rantaian pengedaran serta sub-sektor yang menyokong dan membantu pemain industri dalam sektor bekalan makanan dan perubatan.

"Selain itu, kebenaran untuk bekerja hanya terpakai kepada pekerja-pekerja yang disenaraikan di dalam permohonan syarikat yang diluluskan oleh kementerian," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata, kebenaran yang sudah diberikan kepada syarikat untuk meletakkan mesin dalam keadaan siap siaga juga turut terpakai.

Katanya, majikan juga perlu menyediakan salinan surat kelulusan kementerian berserta lampiran senarai pekerja untuk memudahkan pergerakan pekerja ke tempat kerja, menghantar bekalan dan pulang ke lokasi kediaman.

"Ini adalah penting bagi memastikan penularan virus COVID-19 dapat dibendung secara efektif," katanya.

Beliau berkata, sebarang pertanyaan, pihak industri dan orang ramai boleh menghubungi Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP) di talian hotline 03- 8882 5881/ 5905 atau emelkan kepada spip@kpdnhep.gov.my.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/671635/covid-19-sektor-bekalan-makanan-perubatan-dibenar-beroperasi-pkp-fasa>